



SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



SEPAK TAKRAW TERBUKA

1. **PENGANJURAN & PENGELOLAAN**

- 1.1. Kejohanan ini dianjurkan dan dikelolakan bersama oleh Kelab Sukan dan Kebajikan Veterinar (KESUVET) Ibu Pejabat (DVS) dan Kelab Sukan dan Kebajikan Veterinar (KSKV) Negeri Perak

2. **PERATURAN AM**

- 2.1. Pertandingan ini akan dijalankan mengikut undang-undang Persekutuan Sepak Takraw Antarabangsa (ISTAF) yang berkuatkuasa pada ketika ini (pindaan undang- undang permainan semasa kongres ISTAF).
- 2.2. Sekiranya berlaku sebarang perselisihan dari segi penafsirannya, maka undang- undang terkini akandipatuhi
- 2.3. Kejadian di luar jangkaan yang tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan sepertiberikut:
 - 2.3.1. Sebarang kejadian perkara-perkara bukan teknikal akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola
 - 2.3.2. Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan berasaskan undang-undang Persekutuan Sepak Takraw Antarabangsa (ISTAF) dan yang dipraktikkan oleh Persatuan SepaktakrawMalaysia.
- 2.4. Selain daripada peraturan diatas, Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan adalah berhak meminda/mengadakan peraturan-peraturan tambahan, selaras dengan matlamat penganjuran kejohanan ini
- 2.5. Mematuhi Peraturan Tetap dan **Peraturan Am KARNIVAL SUKAN DVS**
- 2.6. Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan adalah **MUKTAMAD**

3. **PENDAFTARAN**

- 3.1. Setiap kontinjen hendaklah mendaftarkan tidak lebih daripada **Lima (5)** orang pemain lelaki dan **Dua (2)** orang pegawai iaitu Pengurus & Jurulatih. Pengurus & Jurulatih dibenarkan bermain.
- 3.2. Pendaftaran nama-nama pemain, pegawai/jurulatih hendaklah dilakukan dengan menggunakan borang pendaftaran yang telah disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola Sukan Tani.
- 3.3. Hanya pemain-pemain berdaftar sahaja dibenarkan untuk mengambil bahagian.
- 3.4. Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan berhak meminta kad pengenalan bagi tujuan pengesahan/pemeriksaan kesahihan pemain pada bila-bila yang difikirkan perlu.
- 3.5. Kelayakan pemain (peserta) adalah seperti dalam **Peraturan Am Perkara11**

4. **SISTEM PERTANDINGAN**

- 4.1. Jabatan hanya dibenarkan menghantar satu (1) regusahaja.
- 4.2. Perlawanan akan menggunakan kiraan mata dua puluh satu (21) (maks. 25) / ‘Tie Break’ lima belas (15) (maks. 17)mata.
- 4.3. Semua perlawanannya di peringkat awal akan dijalankan secara LIGA kumpulan Sebagaimana terkandung didalam Peraturan Am Perkara 15. Dua (2) pasukan teratas



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI

SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



SEPAK TAKRAW TERBUKA

setiap kumpulan layak ke peringkat seterusnya.

4.4. MATA / KEPUTUSAN PERLAWANAN

4.4.1. Sistem Liga

PENENTUAN	MATA / MARKAH
Menang	2
Kalah	0

4.4.2. Sekiranya setelah semua perlawanan di peringkat liga selesai, dua pasukan atau lebih didapati memperolehi jumlah mata yang sama, maka tatacara mengikut susunan kaedah berikut akan diambilkira untuk menentukan pemenang

4.4.2.1. Jumlah mata terkumpul dari perlawanan yang dimenangi

4.4.2.2. Jumlah perbezaan perlawanan

4.4.2.3. Jumlah perbezaan set

4.4.2.4. Jumlah perbezaan pungutan mata

4.4.2.5. Jika masih lagi dalam keadaan sama, maka pasukan yang "terlibat" perlu mengadakan perlawanan semula

4.4.3. Pasukan tidak dibenarkan menarik diri dalam pusingan awal (liga). Mana-mana pasukan yang menarik diri di peringkat liga akan **DIBATALKAN (DQ)** semua perlawanan. Pemberian mata kemenangan akan diberikan kepada pihak lawan seperti di para 4.5.1

4.5. WAKTU PERLAWANAN

4.5.1 Semua perlawanan akan dijalankan mengikut susunan jadual yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola.

4.5.2 Sekurang-kurangnya **tiga puluh (30) minit** sebelum bermulanya perlawanan tiap-tiap pasukan hendaklah mengemukakan nama Pemain kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan menggunakan borang yang telah disediakan.

4.5.3 Sekiranya pasukan yang bertanding tidak hadir, tempoh masa menunggu yang dibenarkan adalah **sepuluh (10) minit** daripada masa perlawanan yang dijadualkan. Jika setelah tamat tempoh masa yang diberikan, pasukan tersebut tidak juga hadir maka kemenangan percuma akan diberikan kepada pasukan lawan yang hadir

4.6. WAKTU BERMULA SESUATU PERLAWANAN

4.6.1. Waktu bermula sesuatu perlawanan adalah seperti yang tercatat di dalam jadual pertandingan rasmi dan hanya boleh dipinda dengan **KELULUSAN Jawatankuasa Pengelola**

4.7. PENGGANTIAN PEMAIN

4.7.1. Mana-mana pemain yang telah bermain atau disenaraikan sebagai pemain simpanan dalam mana-mana regu, tidak dibenarkan bermain dalam regu yang lain di dalam pertandingan yangsama.



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI

SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



SEPAK TAKRAW TERBUKA

- 4.7.2. Gantian pemain boleh dibenarkan pada bila-bila masa dengan permintaan Pengurus / Jurulatih Rasmi kepada Pengadil semasa bola tidak di dalam permainan.
- 4.7.3. Setiap regu boleh menamakan maksimum dua (2) orang pemain simpanan bagi setiap perlawanan di samping 3 pemain yang sedia ada.
- 4.7.4. Semua pertukaran pemain hendaklah mendapat kebenaran daripada Pengadil Rasmi dan pertukaran hendaklah dilakukan di tepi gelanggang dimana Pengadil bertugas nampak semasa pertukaran pemain dilakukan. Pertukaran pemain boleh dilakukan apabila kiraan mata telah dijalankan atau semasa permulaan set.
- 4.7.5. Setiap regu dibenarkan membuat pertukaran pemain atas sebab kecederaan. Sekiranya pertukaran pemain belum dilakukan di dalam set tersebut. Jika pertukaran pemain telah dilakukan, maka perlawanan dihentikan dan regu ini dianggap kalah.
- 4.7.6. Mana-mana regu yang mempunyai kurang daripada tiga (3) orang pemain tidak dibenarkan meneruskan perlawanan dan dianggap kalah.
- 4.7.7. Jika pemain diperintah keluar gelanggang (dikenakan kad merah) maka regu tersebut dibenarkan membuat pertukaran pemain sekiranya pasukan berkenaan masih belum melakukan pertukaran didalam set tersebut. Jika pertukaran telah dilakukan dalam set tersebut, maka perlawanan akan ditamatkan dan regu pemain yang dikenakan kad merah dianggap kalah

4.8. PEMAIN YANG DIBERI AMARAN / BUANG PADANG

- 4.8.1. Pegawai/jurulatih dan para pemain yang berdaftar dikehendaki menyertai kejohanan ini dengan penuh semangat kesukanan dan muhibbah, disamping menghormati dan mematuhi segala undang- undang dan peraturan yang ditetapkan.

4.8.2. KAD KUNING

- 4.8.2.1. Kesalahan yang boleh dikenakan Kad Kuning adalah seperti berikut :
 - 4.8.2.1.1. Tidak menunjukkan semangat kesukanan dan melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan etika sukan yang boleh menjelaskan keseluruhan pertandingan.
 - 4.8.2.1.2. Memaki atau mengeluarkan kata - kata kesat.
 - 4.8.2.1.3. Berulang kali melakukan melanggar Undang - Undang Permainan dan Peraturan pertandingan.
 - 4.8.2.1.4. Melambat-lambatkan permainan setelah diberi amaran lisan oleh Pengadil.
 - 4.8.2.1.5. Masuk keluar gelanggang tanpa kebenaran Pengadil.
 - 4.8.2.1.6. Dengan sengaja meninggalkan gelanggang kerana bantah keputusan Pengadil.

4.8.3. KAD MERAH

- 4.8.3.1. Kesalahan-kesalahan yang perlu dihukum, pemain boleh diberi 'kad merah' jika melakukan kesalahan berikut:-



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI

SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



SEPAK TAKRAW TERBUKA

- 4.8.3.1.1. Masih berdegil serta masih berkelakuan buruk/menjengkelkan setelah diberi amaran oleh pengadil.
- 4.8.3.1.2. Berkelakuan ganas dengan niat untuk mencederakan pihak lawan.
- 4.8.3.1.3. Meludah kepada pihak lawan, pegawai atau penonton.
- 4.8.3.1.4. Menerima Kad kuning yang kedua dalam perlawanan yang sama
- 4.8.4. Mana-mana pemain yang melakukan kesalahan sama ada didalam atau di luar gelanggang terhadap pihak lawan, pemain, Pengadil, Pembantu Pengadil atau mana-mana orang dimana Kad Kuning telah dikeluarkan adalah merupakan tindakan disiplin yang perlu diterima oleh semua pihak:
- 4.8.4.1. Kesalahan : Kad Kuning Pertama
- Hukuman : Amaran Biasa
- 4.8.4.2. Kesalahan : Kad Kuning Kedua diterima oleh pemain di perlawanan yang lain
- Hukuman : Digantung satu perlawanan
- 4.8.4.3. Kesalahan : Kad Kuning Ketiga diterima setelah digantung satu perlawanan
- Hukuman : Digantung 2 perlawanan seterusnya sehingga Jawatankuasa Tatatertib membuat keputusan.
- 4.8.4.4. Kesalahan : Pemain menerima 2 Kad Kuning dalam perlawanan yang sama.
- Hukuman :(i) Diberi Kad Merah.
(ii) Digantung dua perlawanan seterusnya sehingga Jawatankuasa Tatatertib membuat keputusan.
- 4.8.5. Mana - mana pemain yang diperintah keluar gelanggang oleh Pengadil sama ada Kesalahan didalam atau diluar gelanggang, terhadap pihak lawan, rakan sepasukan, Pengadil, Pembantu Pengadil, Pengadil Garisan atau mana-mana pegawai:
- Kad Merah akan diberi diatas tindakan disiplin berikut akan di ambil:-
- 4.8.5.1. Kesalahan : Menerima Kad Merah
- Hukuman : Di gantung serta - merta daripada bermain dalam mana – mana perlawanan sehingga Jawatankuasa Tatatertib membuat keputusan

4.9. KELAKUAN BURUK OLEH PEGAWAI-PEGAWAI PASUKAN

- 4.9.1. Tindakan perlu diambil terhadap Pegawai-pegawai Pasukan yang berkelakuan buruk atau menimbulkan kekacauan semasa kejohanan dijalankan sama ada di dalam atau di luar gelanggang.
- 4.9.2. Mana-mana pegawai yang berkelakuan buruk dan menganggu kelancaran pertandingan akan diiringi keluar oleh Pengurus Pertandingan dari gelanggang perlawanan. Pengadil akan memberhentikan pertandingan serta - merta sehingga Pengurus Pertandingan atau Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan memberi isyarat meneruskan pertandingan.

4.10. TATATERTIB (DISIPLIN)

- 4.10.1. Semua pemain mestilah mematuhi Undang-Undang Permainan.
- 4.10.2. Hanya Ketua Regu sahaja dibenarkan berjumpa Pengadil jika ada sebarang pertanyaan atau inginkan kepastian mengenai keputusan yang dibuat dan Pengadil hendaklah memberi penerangan terhadap keputusan yang telah dibuatnya.



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI

SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



SEPAK TAKRAW TERBUKA

- 4.10.3. Pengurus / Jurulatih dan Pegawai dilarang membantah keputusan Pengadil semasa pertandingan sedang berjalan. Ini boleh menjelaskan kelancaran pertandingan. Tindakan disiplin boleh diambil terhadap pegawai berkenaan.

4.11. **PAKAIAN PEMAIN**

- 4.11.1. Semua pakaian pemain hendaklah bersesuaian dan menepati ciri-ciri kejohanan sepaktakraw. Mana-mana peralatan yang boleh menolong melajukan bola atau mempercepatkan pergerakan pemain dan membahayakan pemain adalah dilarang samasekali.
- 4.11.2. Setiap pasukan hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya dua set Jersi/T-shirt, yang berwarna cerah dan berwarna gelap. Jika kedua-dua pasukan yang bertanding memakai warna jersi yang sama maka jersi pasukan tuan rumah hendaklah ditukar.
- 4.11.3. Pemain hendaklah memakai Jersi / T-Shirt, seluar pendek, stoking, dan kasut sukan bertapak getah dan tidak bertumit tinggi. Pakaian adalah merupakan sebahagian daripada anggota badan. Jersi / T-Shirt hendaklah dimasukkan ke dalam seluar(tuck-in).
- 4.11.4. Semua pakaian pemain hendaklah bermobor dibahagian depan dan belakang. Setiap pemain hendaklah memakai nombor jersi (dari 1 hingga 36) yang sama untuk keseluruhan kejohanan.
- 4.11.5. Nombor hendaklah berukuran 19 cm tinggi di bahagian belakang dan berukuran tidak kurang 10cm dibahagian depan (bahagian tengah dada).
- 4.11.6. Pakaian pemain boleh mempunyai logo penaja dibahagian hadapan pakaian pemain dimana haruslah mengikut peraturan pertandingan.
- 4.11.7. Ketua regu hendaklah memakai 'Arm Band' di lengankiri.

4.12. **PERALATAN PERTANDINGAN**

- 4.12.1. Peralatan asas untuk mengendalikan kejohanan ini akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola berdasarkan kepada keperluan teknikal.
- 4.12.2. Bola rasmi kejohanan ini adalah bola sintetik jenis GAJAH MAS 511.

5. **PENGADIL**

- 5.1. Jawatankuasa Pengelola akan melantik para pegadil / Pegawai Pertandingan yang berkelayakan setelah berunding dengan Pegawai Teknikal yang bertauliah dan tertakluk kepada Peraturan Am
- 5.2. Laporan perlawanan akan dibuat oleh pengadil di dalam borang yang disediakan selepas perlawanan dijalankan dan diserahkan kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan

6. **DISIPLIN PASUKAN**

- 6.1. Setiap pengurus pasukan dan jurulatih adalah bertanggungjawab menjaga disiplin para pemain. Sekiranya terdapat sebarang salah laku atau pelanggaran disiplin yang menyebabkan kelancaran perlawanan terganggu, tindakan tatatertib akan dikenakan kepada pasukan tersebut berpandukan kepada laporan pegawai perlawanan dan pengadil perlawanan.
- 6.2. Lain-lain adalah sebagaimana terkandung didalam **Peraturan Am**.



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI

SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



SEPAK TAKRAW TERBUKA

7. PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIHENTIKAN / MENARIK DIRI /MENYERAH KALAH / MEMBERI KEMENANGAN PERCUMA

7.1. Sebagaimana terkandung didalam Peraturan Am Perkara 18.

8. JAWATANKUASA TATATERTIB / JURIRAYUAN

8.1. Sila rujuk Peraturan Am Perkara 21, Perkara 22 dan Perkara 23

9. JADUAL PERLAWANAN

9.1. Jawatankuasa Pengelolaan menetapkan jadual perlawanannya mana-mana pasukan tidak dibenarkan memindah mana-mana jadual perlawanannya.

10. UPACARA PENYAMPAIAN HADIAH

10.1. Sila rujuk Peraturan Tetap Perkara 12.

11. PEGAWAI YANG DIHUBUNGKAN

Nama	:	MOHAMAD RASHID BIN MOHAMAD MOKHTAR
Jawatan	:	Pegawai Penyelaras Sepak Takraw
No. H/P	:	019-5478364
emel	:	

Nama	:	EN. NIZAM BIN TAHA
Jawatan	:	Penolong Penyelaras Sepak Takraw
No. H/P	:	017-5691079
emel	:	